



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 3 APRIL 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	LETUPAN PAIP GAS: KPWKM TELITI TAMBAH PPS		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/letupan-paip-gas-kpwkm-teliti-tambah-pps/	BULETINTV3.MY	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpwkm-teliti-bantuan-selain-sumbangan-barangan-nancy-x9h6gm0	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/04/02/kebakaran-saluran-paip-gas-putra-heights-kpwkm-teliti-semula-bantuan-untuk-mangsa/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1379670/kebakaran-saluran-paip-gas-kpwkm-teliti-tambah-pps?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/kebakaran-paip-gas-putra-heights-kpwkm-sedia-salur-bantuan-sediakan-psss/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=GOsLno-2Avq	YOUTUBE	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/255445/jkm-to-open-more-pps-for-gas-pipeline-fire-victims-in-putra-heights-nancy-shukri/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/04/02/putra-heights-gas-leak-tragedy-ministry-to-provide-counselling-to-victims-says-nancy/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/02/putra-heights-inferno-ministry-to-provide-counselling-services-to-victims	THESTAR.COM.MY	
	https://dayakdaily.com/ministry-exploring-aid-providing-psychological-support-for-puchong-gas-pipeline-fire-victims/	DAYAKDAILY.COM	
	https://www.theborneopost.com/2025/04/02/jkm-to-open-more-pps-for-gas-pipeline-fire-victims-in-putra-heights-says-nancy-shukri/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/738970	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720708/berita/nasional/jkm-diarah-buka-pps-baharu-tampung-mangsa-bencana-di-putra-heights---nancy	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/02/social-welfare-dept-to-open-more-relief-centres-for-putra-heights-fire-victims-psychological-support-underway-says-nancy-shukri/171672	MALAYMAIL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2408357	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=em0RRtNeEaU	YOUTUBE	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1196398/social-welfare-department-open-more-relief-centres-putra-heights-victims	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/jkm-to-open-more-pps-for-gas-pipeline-fire-victims-in-putra-heights-nancy-shukri-FC13882421	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KAUNTER JPN DIBUKA DI PPS, MUDAHKAN URUSAN MANGSA KEHILANGAN DOKUMEN PERIBADI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203463/kaunter-jpn-dibuka-di-pps-mudahkan-urusan-mangsa-kehilangan-dokumen	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/am/nnews.php?id=2408369	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kebakaran-paip-gas-putra-heights-pps-bergerak-dan-jpn-ditempatkan-di-pps-noraini-514906	ASTROAWANI.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/letupan-paip-gas-pusat-sokongan-sosial-disediakan-di-pps/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2408377	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/04/02/jkm-terus-bantu-mangsa-letupan-paip-gas-urusan-tiada-dokumen-diuruskan-jpn-noraini/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/02/putra-heights-inferno-womens-ministry-to-get-nrd-help-for-victims	THESTAR.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720713/berita/nasional/jpn-akan-ditempatkan-di-pps-mudahkan-urusan-mangsa-kebakaran-hilang-dokumen-peribadi#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/04/02/jpn-diminta-bantu-mangsa-buat-dokumen-pengenalan-diri-baharu/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/02/nrd-sets-up-counter-at-relief-centre-to-help-putra-heights-fire-victims-replace-lost-personal-documents/171673	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	FLEXIBLE WORK ARRANGEMENTS ENCOURAGED FOR WORKERS AFFECTED BY GAS PIPELINE FIRE		POSITIF
	https://www.thevibes.com/articles/news/106591/flexible-work-arrangements-encouraged-for-workers-affected-by-gas-pipeline-fire	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	RUJUK TERLEBIH DAHULU SEBELUM HANTAR SUMBANGAN KE PPS - EXCO		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2408541	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720786/edisi/selangor-kl/rujuk-terlebih-dahulu-sebelum-hantar-sumbangan-ke-pps---exco	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/consult-with-pps-before-sending-donations-exco-BC13885343	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	YKN DAN PBKKTU BERI SUMBANGAN KEPADA 160 ASNAF DI KALANGAN AHLI		POSITIF
	https://sahih.com.my/ykn-dan-pbkktu-beri-sumbangan-kepada-160-asnaf-di-kalangan-ahli/	SAHIH.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	'TAK BOLEH TIDUR, RASA MACAM MATI HIDUP SEMULA' - MANGSA		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tidak-boleh-tidur-rasa-macam-mati-hidup-semula-mangsa	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	ADA YANG TAKUT DILABEL SEBAGAI GILA, TAK WARAS		NEUTRAL
	Ada yang takut dilabel sebagai gila, tak waras		



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	PUTRA HEIGHTS GAS FIRE: MINISTRY TO PROVIDE COUNSELLING TO VICTIMS, SAYS NANCY		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	3 APR 2025	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Putra Heights gas fire: Ministry to provide counselling to victims, says Nancy

KUCHING: The Women, Family and Community Development Ministry will establish a Local Social Support Centre (PSSS) at the Putra Heights Mosque multipurpose hall to provide psychological support for victims of Tuesday's gas leak tragedy.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said a special truck would be stationed there to offer counselling services to individuals experiencing stress or trauma following the incident.

"Psychological support is crucial in helping victims cope with this situation. The PSSS will provide access to counsellors for those in need of a safe space to express their emotions and seek guidance," she said.

She was met at Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof's Hari Raya Aidilfitri open house at the CIDB Convention Centre here yesterday.

Nancy added her ministry, through the Social Welfare Department, had activated a temporary evacuation centre (PPS) in Puchong to house displaced victims.

"Currently, a total of 484 individuals from 109 households

have been placed at the PPS. Additional evacuation centres will be opened if necessary to accommodate more victims," she said.

She said the ministry is working closely with Petronas and the Selangor government to ensure affected individuals receive adequate support and assistance.

Meanwhile, she acknowledged the public's generosity following the incident, with many individuals and organisations sending donations in the form of essential goods.

However, she emphasised the importance of managing donations effectively to prevent logistical challenges for the victims, and urged donors to wait for further instructions before sending items as the victims might require financial assistance more urgently.

"At the mosque PPS, many people are contributing items, which we welcome. However, space is limited and we must ensure the donations do not become a burden to those who have lost their homes.

"We deeply appreciate

the compassion showed by Malaysians. However, it is crucial to manage donations effectively to ensure they truly benefit the victims rather than overwhelm them with items that may be difficult to store.

"InsyaAllah, we will ensure that necessary aid—especially financial support—is provided. Many victims have lost their homes and financial assistance will help them recover," she said.

Nancy assured the ministry's assistance would complement the financial aid previously announced by the government.

Meanwhile, she also welcomed the participation of NGOs in relief efforts, but reiterated the need for proper coordination.

"The victims cannot stay at the mosque (PPS) indefinitely. The government is discussing a long-term solution to provide them with a more suitable place to live," she said.

She said the government remains committed to monitoring the situation and ensuring all necessary aid is delivered promptly to assist the victims in overcoming the challenges brought by this tragedy.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SOKONGAN PSIKOLOGI UNTUK MANGSA TRAGEDI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 3 APR 2025

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Sokongan psikologi untuk mangsa tragedi

KPWKM akan tempatkan PSSS di Dewan Serba Guna Masjid Putra Heights bagi sedia bantuan itu: Nancy

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan menempatkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di Dewan Serba Guna Masjid Putra Heights bagi menyediakan bantuan sokongan psikologi kepada mangsa tragedi kebocoran gas di Selangor baru-baru ini.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, trak khas akan ditempatkan di lokasi tersebut bagi menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mereka yang mengalami tekanan atau trauma akibat insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights kelmarin.

“Sokongan psikologi amat penting bagi membantu mangsa menghadapi situasi ini.

“PSSS akan menyediakan kaunselor untuk mereka yang memerlukan tempat untuk meluahkan perasaan atau mendapatkan bimbingan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita



REAKSI: Nancy ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Fadillah di Kuching semalam. — Gambar Matthew Umpang

pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Timbalan Perdana Menteri Dato Sri Fadillah Yusof bersama isteri, Datin Sri Ruziah Mohd Tahir di sini, semalam.

Nancy berkata kementerian menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengaktifkan satu Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Puchong untuk menempatkan mangsa yang kehilangan tempat tinggal, sebaik sahaja insiden berlaku.

Katanya, setakat ini seramai 484 individu daripada 109 ketua isi rumah telah ditempatkan di PPS dan lebih banyak pusat pemindahan dijangka dibuka sekiranya diperlukan.

Tambahnya kementerian bekerjasama dengan PESTRONAS serta kerajaan negeri Selangor untuk memastikan kebajikan mangsa terjaga.

“Apa yang kita nampak di PPS masjid, ramai yang menghantar sumbangan berbentuk barangan dan

bagi kami di JK M ia sudah semestinya dialukan kerana menjadi tanggungjawab. Namun mereka tiada ruang untuk menempatkan barangan berkenaan.

“Maka itu kementerian saya telah menasihatkan agar kami tunggu dulu, agar tidak menyumbang barangan yang boleh membebani mereka juga, kerana mereka tiada tempat tinggal.

“Insya-Allah kami akan membantu dari segi apa yang diperlukan khasnya

“ Sokongan psikologi amat penting bagi membantu mangsa menghadapi situasi ini. ”

Dato Sri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

sumbangan lain seperti berbentuk kewangan untuk menampung apa yang mereka mahu lakukan kerana ada yang kehilangan rumah,” katanya.

Nancy berkata bantuan itu sebagai pelengkap kepada bantuan kewangan yang diumumkan kerajaan kepada mangsa sebelum ini.

“Mangsa kini ditempatkan di masjid buat sementara waktu tetapi mereka tidak boleh tinggal di sana selamanya.

“Kerajaan sedang berancang mengenai penyelesaian jangka panjang bagi memastikan mereka mendapat tempat tinggal yang lebih sesuai,” tambahnya.

Beliau turut mengalukan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha membantu mangsa.

Namun, beliau menegaskan bahawa sumbangan yang diberikan perlu diuruskan dengan baik supaya tidak membebani mangsa dengan barangan yang sukar disimpan.

“Kami amat menghargai keprihatinan rakyat Malaysia. Namun, sumbangan perlu diselaraskan agar benar-benar memberi manfaat kepada mangsa.

“Kita mahu pastikan bantuan yang diberikan sampai kepada mereka yang memerlukan dan tidak menyebabkan kesesakan di PPS,” katanya.

Kerajaan memberi jaminan bahawa pihaknya akan terus memantau keadaan dan memastikan segala bantuan yang diperlukan disalurkan dengan segera bagi membantu mangsa menghadapi cabaran selepas tragedi ini, ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	STAFF, STUDENTS OF EDUCATION MINISTRY TO RECEIVE RM1K IN AID		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	3 APR 2025	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Staff, students of Education Ministry to receive RM1K in aid

KUALA LUMPUR: The Education Ministry will provide RM1,000 in aid to its staff, teachers and students affected by the gas pipeline fire at Putra Heights, Selangor.

Minister Fadhlina Sidek said as of yesterday, 107 teachers and students had been identified as affected, with four still receiving treatment in hospital.

She said the aid will be disbursed as soon as possible after data has been collected and verified by the Selangor Education Department (JPNS).

"The ministry's staff and students are among those impacted by the incident, including children from 23 schools in the area. JPNS has also informed me that some of the victims have lost everything.

"So I have also asked them to provide assistance, which is also supported by Yayasan Guru Tun Hussein Onn and Yayasan Didik Negara," she said after visiting the victims at the relief centre at the Putra Heights mosque yesterday, Bernama reported.

Fadhlina added that the ministry would deploy a team of coun-



Concerned: Fadillah, Fadhlina and Nancy are mobilising support to the gas pipeline fire victims.

sellors and academic support staff to the relief centre.

"I have instructed the state education department to closely monitor the situation.

"The affected children will be observed daily to ensure all necessary support is provided to them."

She also reaffirmed the ministry's commitment to safeguarding the welfare of its staff and students as they navigate the challenging ordeal.

Elsewhere, steps are being taken to ensure no disruption to

the power supply in the Klang Valley following the incident, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

Even though some power plants use gas to generate electricity, initial reports indicate that the power supply has not been impacted as of yet.

"When a leak occurs, the affected pipeline will shut down, potentially impacting the power supply.

"But the report I have received so far is that we can still ensure stable power supply for this week," he told reporters at his

Hari Raya open house in Kuching yesterday.

Fadillah, who is also Energy Transition and Water Transformation Minister, said his ministry was looking into appropriate measures if gas cannot be supplied to the affected power stations next week.

"PETRONAS will look for ways to supply the gas. If necessary, we will look into restarting old power stations that do not use gas to ensure that power supply in the Klang Valley is not disrupted."

Fadillah also said his ministry

was carrying out an integrity audit on the power infrastructure in the affected area, adding that no electricity cables were affected so far.

"We are monitoring the situation to ensure that the integrity of the whole infrastructure is not affected," he said.

Separately, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said a mobile One-Stop Social Support Centre (PSSS) will be set up to provide counselling services to the victims.

"Some of them may feel depressed, especially those who were in the midst of celebrating Raya, so we will provide the PSSS to help them," she said when met at Fadillah's Raya open house.

Nancy also said the Social Welfare Department was working closely with PETRONAS and the Selangor state government to coordinate assistance.

She expressed gratitude to various organisations and individuals for donating food and other items.

"We will assist in other ways," she added.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kaunter JPN dibuka di PPS, mudahkan urusan mangsa kehilangan dokumen peribadi

BERNAMA



Kanak-kanak melakukan aktiviti ketika berlindung di Pusat Pemindahan Sementara di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights. FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM

Kuala Lumpur: Kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights yang menempatkan mangsa insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya bagi memudahkan pengurusan dokumen peribadi mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, hal ini kerana terdapat mangsa yang dokumen peribadi mereka musnah dalam kejadian yang berlaku pagi semalam itu.

"Kita dapati ada yang keluar (menyelamatkan diri) sehelai sepinggang, tidak mempunyai dokumen seperti kad pengenalan dan sebagainya, jadi kita sedang mengatur untuk mereka (JPN) ada bersama membuka kaunter bagi mereka yang memerlukan," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan di PPS itu, hari ini.

Berdasarkan data, sebanyak 323 mangsa daripada 84 keluarga masih berlindung di Masjid Putra Heights.

Noraini berkata, pihaknya juga telah menggerakkan kaunselor daripada Yayasan Kebajikan Negara bagi memberi sokongan psikologi kepada mangsa khususnya mereka yang mengalami trauma.

"Bagi pihak kementerian, kami ingin mengucapkan takziah kepada mangsa dan ucapan syabas kepada semua pihak termasuk jawatankuasa masjid, agensi kerajaan, NGO (badan bukan kerajaan) dan semua pihak yang menghulurkan bantuan sejak semalam," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Flexible work arrangements encouraged for workers affected by gas pipeline fire

Ministry calls on employers to consider the difficulties faced by their affected workers and to approve their requests for flexible working arrangements for an appropriate period

Published on 02 Apr 2025 4:30PM



Agencies have joined government bodies to ensure safety measures are in place to protect workers and speed up the recovery process - April 2, 2025

IN response to the devastating gas pipeline fire in Putra Heights, Subang Jaya, the Ministry of Human Resources (KESUMA) has urged employees affected by the incident, and unable to attend work during their recovery, to request Flexible Work Arrangements (FWA) from their employers.

The ministry highlighted that such arrangements are provided under Section 60P of the Employment Act 1955, which covers changes in working hours, workdays, or the workplace location.

“KESUMA calls on employers to consider the difficulties faced by their affected workers and to approve their requests for flexible working arrangements for an appropriate period,” the ministry stated in a press release today.

KESUMA further encouraged private sector employers to consider granting paid compassionate leave for affected workers, allowing them time to manage the damage to their property and deal with the aftermath of the fire.

For those requiring advice on labour-related matters, the ministry advised both employers and employees to contact the Department of Labour of Peninsular Malaysia or call 03-8886 5192 for assistance and clarification regarding workers' rights in this situation.

Additionally, KESUMA announced that its agencies had already begun collaborating with other government bodies to provide full support to those affected by the fire and to ensure that safety measures are in place to protect workers and speed up the recovery process.

In line with this, the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) has already visited the incident site and initiated an investigation under Section 15(1) of the Occupational Safety and Health Act 1994, which requires employers to ensure the safety of workers in the workplace.

“To mitigate immediate risk, DOSH has issued a prohibition order to stop any disturbances and five prohibition notices on each of the block valves at the incident location,” the statement explained.

Any violations could lead to severe penalties, including a maximum prison sentence of two years or a fine of up to RM500,000.

Meanwhile, the Social Security Organisation (PERKESO) has deployed its Prihatin Squad to the temporary relief centres in Putra Heights and surrounding hospitals to offer support to victims who have suffered trauma or physical injuries as a result of the fire.

PERKESO also confirmed that it had identified contributors among the victims who are eligible for benefits under the Disability Scheme and is currently processing their claims.

Contributors who wish to check their claims under the PERKESO social protection scheme, including benefits for Temporary and Permanent Disability, are encouraged to contact the PERKESO Customer Service Hotline at 1-300-22-8000 for further details.

NRD to assist victims with lost personal documents

The National Registration Department (NRD) is setting up a counter at the Masjid Putra Heights temporary relief centre to assist victims who lost personal documents in the wake of the gas pipeline fire at Jalan Putra Harmoni, Subang Jaya.

Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, the Deputy Minister for Women, Family, and Community Development (pic), explained that the move was necessary as some victims had been displaced and were without vital documents, such as identity cards.

“We discovered that some evacuees from the relief centre were without essential documents. Therefore, we have arranged for the NRD to set up a counter to help those affected,” Dr Noraini said during her visit to the relief centre today.

Dr Noraini added that her ministry had also deployed counsellors from the National Welfare Foundation to provide psychological support to victims, especially those who had suffered trauma from the incident.

“On behalf of the ministry, we would like to extend our heartfelt condolences to all the victims and express our gratitude to all parties involved, including the mosque committee, government agencies, non-governmental organisations (NGOs), and everyone who has lent their support since the incident,” she added. - April 2, 2025

Up to noon today, 538 victims were displaced following the Petronas gas pipeline explosion in Putra Heights.

The National Disaster Management Agency (Nadma) said the number has been increasing since yesterday with 120 families affected by the blast.

The latest numbers marked an increase of 54 victims from 12am last night. No deaths were recorded. - April 2, 2025

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rujuk Terlebih Dahulu Sebelum Hantar Sumbangan Ke PPS – Exco

🕒 02/04/2025 10:34 PM



Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor Anfaal Saari (kanan) ketika bertemu pengamal media selepas meninjau dan menyantuni mangsa kejadian kebakaran saluran paip gas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Masjid Putra Heights hari ini.

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Individu perseorangan dan badan bukan kerajaan (NGO) dinasihatkan supaya merujuk terlebih dahulu dengan pengurus pusat pemindahan sementara (PPS) di Masjid Putra Heights, Subang Jaya sebelum menghantar bantuan kepada mangsa yang berlindung di lokasi berkenaan.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor Anfaal Saari berkata hal ini bagi mengelakkan daripada berlakunya lambakan barangan yang tidak diperlukan.

"Mana-mana NGO lebih baik rujuk terlebih dahulu berbanding hantar barang yang mungkin tidak diperlukan kepada penerima bantuan. Disebabkan PPS berada dalam bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), agensi itu akan mengkoordinasi bantuan yang diterima," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan kepada wanita dan kanak-kanak di PPS berkenaan hari ini.

Beliau berkata sumbangan yang diterima di PPS itu cukup untuk menampung keperluan mangsa bagi tempoh sehingga empat hari.

"Ketika ini penerimaan bantuan pakaian terpakai dihentikan buat sementara waktu memandangkan jumlah tinggi yang diterima," katanya.

Anfaal berkata pihaknya juga akan mengerahkan agensi kerajaan negeri iaitu Wanita Berdaya Selangor (WBS) untuk membantu memastikan penyusunan barangan bantuan agar lebih teratur.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



YKN DAN PBKKTU BERI SUMBANGAN KEPADA 160 ASNAF DI KALANGAN AHLI

Foto : Wakil PBKKTU menyerahkan sumbangan kepada balu dan keluarga bekas kakitangan KTM di Gemas.

YKN dan PBKKTU beri sumbangan kepada 160 asnaf di kalangan ahli

Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Persatuan Bekas Kakitangan Keretapi Tanah Melayu (PBKKTU) telah memberikan sumbangan food bank kepada 160 asnaf dari kalangan ahli persatuan bagi kategori B40, termasuk balu dan bekas kakitangan KTM, serta asnaf sekitar Gemas, Negeri Sembilan, dan Tumpat, Kelantan, baru-baru ini.

Majlis sumbangan diadakan di Surau Al Raudah Taman Gemas yang diadakan dihadiri oleh wakil CEO YKN, Hartini Abdul Rahim, bersama Penasihat Yang Dipertua PBKKTU, Dato' Dr Sukarno Wagiman, dan wakil-wakil lain dari PBKKTU Negeri Sembilan dan YKN Putrajaya dan sebanyak 50 penerima menerima bantuan.

Manakala, di Tumpat, sumbangan diberikan kepada 110 penerima di Pekarangan rumah Lot 2370, Kampung Ana, yang dihadiri oleh Pengarah Zon Pantai Timur YKN, Zamie Muhammad, bersama wakil PBKKTU Negeri Kelantan.

Penerima di Tumpat terdiri daripada balu, bekas kakitangan KTM, dan asnaf yang bergantung kepada aktiviti harian seperti berkebun dan berniaga kecil-kecilan.

Program ini juga melibatkan sesi kaunseling untuk penerima yang sakit dan uzur.

Abdul Rahim Osman, Setiausaha PBKKTU, mengucapkan terima kasih kepada YKN atas perhatian dan bantuan yang diberikan, yang sangat meringankan beban mereka menjelang Aidilfitri.

Sumbangan ini sangat dihargai oleh penerima, terutama balu dan bekas kakitangan KTM yang bergantung kepada pencen yang tidak mencukupi.-SAHIH.

Sahih - Berita-berita Terkini Yang Pasti Sahih Dan Tepat | Dapatkan berita sahih dan cari tajuk utama berita terkini yang pasti sahih dan tepat melalui saluran blog berita sahih dot com dot my. Tak pasti jangan kongsi!

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Tak boleh tidur, rasa macam mati hidup semula' - Mangsa

Nasional - Dicipta: 02 April 2025 02:44 PM



Hajar Rusli, Aliah Ismail dan Shahrul Nizam Salleh

PUCHONG, 2 April - Penduduk yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights masih trauma dan terkesan secara emosi sehingga sukar melupakan mata akibat bunyi letupan yang masih terngiang-ngiang difikiran mereka.

Seorang penduduk, Hajar Rusli menyifatkan bunyi letupan kejadian itu begitu kuat sehingga dia dan keluarganya menyangka terdapat pesawat terhempas di kawasan berkenaan.

"Kami tiba-tiba terdengar bunyi 'boom' yang kuat dari atas bumbung rumah dan menyangka kapal terbang terhempas. Kami segera bergegas keluar dan mendapati asap tebal serta api yang marak, disertai dengan bahang panas. Rasa panas itu masih terasa di kulit saya hingga hari ini.

"Malam tadi, saya langsung tidak dapat tidur. Saya rasa tidak selamat," ujarnya

Seorang lagi penduduk, Aliah Ismail turut berkongsi pengalaman sama menyatakan ketakutannya sehingga tidak dapat tidur sepanjang malam.

"Saya dan suami duduk bersarapan di laman rumah, tiba-tiba tanah bergegar. Ingatkan gempa bumi. Kemudian kedengaran bunyi sangat kuat, berdesing panjang seperti bunyi pesawat. Tidak lama selepas itu dengar letupan disertai api sehingga pemandangan sekitar bertukar oren.

"Dalam keadaan panik saya masuk semula ke dalam rumah memanggil anak-anak keluar untuk menyelamatkan diri. Saya berlari sehingga tidak sedar terseluh kaki.

"Saya tak tidur langsung malam tadi, memang tak boleh. Rasa seperti mati hidup semula. Saya duduk di masjid, berpegang pada surah Yasin, barulah dapat tidur sekejap. Tapi bila terjaga, rasa trauma itu masih ada," luahnya.

Sementara itu, Shahrul Nizam Salleh berkata pada awalnya dia tidak mempercayai kejadian itu berikutan menerima pelbagai-bagai maklumat berbeza. Namun, sebaik tiba di lokasi dan melihat sendiri kesannya, termasuk keadaan rumahnya yang terjejas, barulah dia menyedari situasi sebenar.

"Masa kejadian, saya tak percaya apa yang berlaku. Ada yang kata kawasan ini terjejas, ada yang kata tidak. Bila sampai dan lihat sendiri, baru sedar keadaan sebenar.

"Terasa hilang harapan, memang sedih," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Noraini Ahmad berkata pihaknya melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menempatkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Mobil untuk membantu penduduk yang trauma.

"YKN telah menempatkan PSSS secara bergerak untuk memberikan kaunseling kepada mangsa. Kami mendapati ada yang masih mengalami trauma dan dengan adanya PSSS, diharapkan ia dapat membantu mendengar dan memberikan sokongan tambahan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 18 MANGSA BANJIR DI TERENGGANU DIPINDAH KE PPS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 3 APR 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

18 mangsa banjir di Terengganu dipindah ke PPS

Setiu: Seramai 18 mangsa daripada tiga keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) Balai Raya Bari Besar selepas rumah mereka kena banjir susulan hujan berterusan sejak kelmarin.

Menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu, PPS Bari Besar, dibuka jam 11.20 pagi semalam menempatkan tujuh lelaki dan tiga wanita dewasa.

Selain itu, masing-masing dua kanak-kanak lelaki dan perempuan serta seorang bayi lelaki dan dua bayi perempuan.

Sementara itu, sebanyak 13 stesen di lima daerah di Terengganu merekodkan hujan melebihi 30 milimeter (mm) bermula jam 12 tengah malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS) negeri, Osman Abdullah, berkata stesen di daerah Besut iaitu di Institut Pertanian Tok Dor merekodkan penerimaan hujan 31.5mm dan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Jabi (33.0 mm).

Katanya, dua stesen di daerah Kuala Nerus iaitu di SK Gemuroh mencatatkan penerimaan hujan 38.0mm dan di Kampung Jeram (32.5mm), manakala di daerah Kuala Terengganu iaitu di rumah pam di Pulau Bahagia, mencatatkan penerimaan hujan 45.5mm.

Sungai Nerus di Kampung Bukit mencatat paras waspada, iaitu 10.50 meter, Sungai Tersat di Kampung Sekayu (19.0 meter) dan Rumah Pam di Sungai Terengganu melebihi aras waspada 2.0 meter.

Di Kota Bharu, hujan lebat beberapa jam bermula awal semalam menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air, termasuk di sekitar bandar raya ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan, Farhan Sufyan Borhan, berkata setakat ini pihaknya tidak menerima aduan berhubung kejadian banjir di negeri ini.

Katanya, kemungkinan air naik untuk beberapa jam di beberapa kawasan dan air kembali surut.

"Ini disebabkan hujan lebat sejak awal pagi lagi. Namun, tidak berlaku banjir di kawasan penempatan penduduk. Kita akan memantau dari semasa ke semasa memandangkan hujan lebat masih berlaku," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



Anggota Angkatan Pertahanan Awam membantu memindahkan mangsa banjir di Setiu, semalam. (Foto hiasan APM)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	ACADEMICS LOBBY FOR PROTECTION FROM ONLINE SEX HARASSMENT	
HARI :	KHAMIS	AKHBAR : THE STAR
TARIKH :	3 APR 2025	M/SURAT : 07
TONE :	POSITIF	SEKTOR : KPWKM

Academics lobby for protection from online sex harassment

PETALING JAYA: Sexual harassment, unfortunately, remains a persistent problem.

This is why academics like Prof Dr Rozanah Ab Rahman, who is a law professor at Universiti Putra Malaysia's school of business and economics, believes the Anti-Sexual Harassment Act should cover digital harassment, including cyberstalking, revenge pornography and other forms of online sexual misconduct.

"There remain key areas for refinement to enhance its effectiveness," she said.

"Even though the Act has provided an essential legal foundation, its effectiveness is contingent on robust enforcement, employer accountability, and stronger support structures for victims.

"Future amendments should prioritise expanding legal protections, streamlining enforcement mechanisms, and embedding the principles of fairness and accessibility within workplace policies.

"Only through such measures can we ensure a safer and more equitable work environment for all," she said when contacted.

Prof Rozanah suggested that the Act be integrated with the Penal Code, thus allowing a streamlined process for severe cases to be escalated to impose criminal liability where warranted.

She also said complainants and witnesses should be given stronger protection as the fear of retaliation remains a significant barrier to reporting.

"Always remember you are never invisible in the cyber world."

Prof Datuk Dr Mohamed Ridza Wahiddin

"A formal whistleblower protection provision must be introduced to ensure complainants and witnesses do not face professional repercussions," she added.

At the workplace, Prof Rozanah said employers should be legally obligated to establish sexual harassment policies as well as conduct training and outline a reporting mechanism.

"We can have stronger integration with the Industrial Relations Act whereby employees should have the right to raise sexual harassment claims as a workplace dispute under employment law, ensuring greater remedies beyond the tribunal's framework," she said.

Founder and patron of International Islamic University Malaysia's Centre of Excellence for Cyber Security Prof Datuk Dr Mohamed Ridza Wahiddin said a multi-pronged approach is needed to address online sexual harassment.

Who can file sexual harassment claims with Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS)



- a. Victims of sexual harassment;
- b. Victims under the age of 18, to be represented by his/her next friend or guardian ad litem; or
- c. Disabled victims, to be represented by his/ her next friend or guardian ad litem.

How and where can victims file complaints?

- a. TAGS counter at lobby area at Women, Family and Community Development Ministry, Putrajaya during the office hours (Monday to Friday).
- b. Call Talian Kasih **15999** for any enquiries.

How are hearings conducted?

The hearing is conducted before a panel of three (3) Tribunal members-Chairperson (President or Deputy President or another member with a legal background), and two other Tribunal members who have knowledge of or practical experience relating to sexual harassment). During the hearing, parties cannot be represented by an advocate and solicitor unless the matter in question involves complex legal issues. Parties have the right to present evidence and documents or call witnesses in support of their respective complaints and defences.

How are decisions made?

TAGS will either decide in favour of the complainant or dismiss the complaint based on the balance of probabilities, within 60 days from the first day of the hearing. The award (decision) is final and binding on the parties and deemed to be an order of a court.

Source: Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM)

"This includes developing and implementing strong laws, promoting responsible online behaviour, and supporting victims through resources and accessible reporting mechanisms, with a focus on both prevention and immediate response.

"People should be cautious in their online postings. Always remember you are never invisible in the cyber world. Whatever you share will always be there. Someone with an evil intention may eventually use it against you," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ada yang takut dilabel sebagai gila, tak waras

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN [Follow](#)



PUTRAJAYA - "Saya bukan gila untuk berjumpa kaunselor."

Itulah stigma yang masih membelenggu masyarakat mengenai perkhidmatan kaunseling.

Namun, bagi Noor Amira Mohamed Yatim, seorang kaunselor yang berkhidmat di Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sejak 2021, kepercayaan masyarakat terhadap khidmat kaunseling kini semakin meningkat.

Meskipun begitu, perjalanannya sebagai kaunselor bukanlah mudah apabila berdepan dengan masalah keganasan rumah tangga, kesihatan mental, penyalahgunaan dadah dan penderaan seksual yang memerlukan bukan sahaja ilmu, tetapi ketahanan emosi yang tinggi.

Menurut Noor Amira, ramai yang masih takut mendapatkan bantuan kerana bimbang dilabel sebagai tidak waras atau gila.

"Namun, kini keadaan semakin berubah dengan kesedaran yang meningkat, walaupun cabaran tetap ada," katanya.

Kongsi masalah bukan perkara memalukan

Beliau menjelaskan bahawa tugas utama seorang kaunselor adalah meyakinkan klien bahawa berkongsi masalah bukanlah sesuatu yang memalukan.

"Ramai isteri yang didera enggan melaporkan kejadian kerana bimbang suami bertindak lebih ganas atau kerana mereka tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri.

"Kadang-kadang mereka berkata, saya takut nak buat laporan, nanti suami saya akan cari saya.

"Sebagai kaunselor, saya perlu memberi mereka keyakinan dan bimbingan mengenai langkah seterusnya," katanya.

Menurutnya, selain keganasan rumah tangga, tekanan di tempat kerja juga menjadi isu yang semakin ketara.

Noor Amira, yang merupakan graduan Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), berkata, ramai pekerja mengalami keletihan tetapi tidak tahu cara untuk menanganinya.

"Ada yang datang dalam keadaan sangat tertekan, berasa gagal dan tidak dihargai. Akhirnya, mereka membawa masalah kerja ke rumah.

"Seorang kaunselor memainkan peranan dalam membantu mereka menguruskan tekanan melalui terapi relaksasi dan strategi kawalan emosi," kata beliau.

Menurutnya, isu lain yang sering dikendalikan oleh beliau ialah bekas penagih dadah yang mahu berubah tetapi terpaksa berdepan dengan diskriminasi.

Manakala, kes yang paling memberi kesan kepadanya ialah seorang kanak-kanak berusia 11 tahun yang dirogol oleh bapanya sendiri sehingga mengalami trauma yang berpanjangan.

"Dia mengalami trauma teruk, tidak mahu bercakap dan sering menangis.

"Dalam sesi pertama, dia hanya diam. Hanya selepas beberapa sesi menggunakan terapi permainan, dia mula memberi isyarat tentang apa yang berlaku kepadanya," katanya.

Tambah Noor Amira, kanak-kanak itu akhirnya mendedahkan bahawa dia telah menjadi mangsa sejak berusia enam tahun.

Dalam situasi berlainan, Noor Amira menjelaskan, dia pernah mengendalikan satu kes melibatkan seorang lelaki mengalami gangguan seksual daripada bosnya sendiri.

Jelasnya, lelaki itu malu untuk melaporkan kejadian kerana beranggapan hanya wanita yang menjadi mangsa.

"Kami bantu dia membuat laporan polis dan merujuk kesnya ke Tribunal Anti Gangguan Seksual.

"Dalam situasi ini, lelaki juga berhak mendapatkan perlindungan dan bantuan," katanya.

Belajar tidak beri kesan pada emosi sendiri

Menurut Noor Amira, kaunselor perlu menguruskan tekanan mereka sendiri agar tidak terbeban dengan masalah klien.

"Kami diajar untuk tidak membawa masalah klien ke dalam kehidupan peribadi. Selepas sesi, saya perlu 'lupuskan' sedikit demi sedikit supaya tidak terbawa-bawa dalam fikiran," katanya.

Bagaimanapun, Noor Amira mengakui ada ketika dia sendiri berasa terkesan.

"Sebagai manusia, saya juga ada had. Ada kes yang begitu menyayat hati sehingga saya perlu mengambil masa untuk bertenang sebelum meneruskan sesi lain," tambahnya.

Meskipun berdepan cabaran besar, Noor Amira tetap merasa puas dengan pekerjaannya, terutamanya apabila melihat perubahan positif dalam diri kliennya.

"Saya tidak kaya, tetapi saya gembira kerana dapat membantu orang lain. Apabila klien datang dan mengucapkan terima kasih kerana hidup mereka berubah, itu sudah cukup memberi kepuasan," katanya.

Menurutnya, kaunselor bukan sekadar memberi nasihat, tetapi membantu klien membina semula kehidupan mereka.

"Kami bukan hanya mendengar, tetapi berusaha mencari penyelesaian terbaik bersama mereka," jelasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : BELUM DAPAT TUNTUT JASAD CUCU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 3 APR 2025

M/SURAT : 17

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

KES MUHAMMAD FAYYAD

Belum dapat tuntutan jasad cucu

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Baling

"Jenazah cucu saya belum dapat tuntutan untuk dikeselamatan sehingga laporan DNA (ujian asid deoksiribonukleik) diperolehi," kata Aziz Saad, 60.

Aziz adalah datuk kepada Muhammad Fayyad Affan Mohd Fakhri (*gambar*), 4, yang ditemui di Sungai Kupang, Isnin lalu selepas empat hari dilaporkan hilang dari rumahnya di Kuarters Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kampung Landak Paya, Kupang sejak Jumaat lalu.

Jasad kanak-kanak itu ditemui pada jam 3.15 petang oleh ahli keluarganya yang melakukan pencarian pada Hari Raya Aidilfitri kira-kira 500 meter daripada rumahnya sebelum memaklumkan kepada polis.

Jasad mangsa kemudian dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar untuk tindakan lanjut.

Aziz berkata, mereka sekeluarga berharap laporan DNA itu diperolehi dengan segera untuk membolehkan urusan pengebumian dilakukan.

"Apapun kami tunggu saja laporan DNA dan



maklumat lanjut daripada polis," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Azmi Mokhtar ketika dihubungi berkata, sampel darah daripada ibu bapa Muhammad Fayyad Affan sudah diambil termasuk sampel tulang ma-



kat berkecenderungan untuk dihantar ke makmal kimia semalam.

Beliau berkata, hasil keputusan laporan DNA itu boleh diperolehi selewat-lewatnya dua minggu namun pihaknya akan cuba memperolehinya secepat mungkin.

"Kena tunggu DNA juga kerana dari segi pengecaman pada seluar pada jasad kanak-kanak yang ditemui Ahad lalu tidak cukup kerana kita bimbang ada unsur lain.

"Buat sementara ini, jasad kanak-kanak itu masih disimpan di Jabatan Forensik HSB di Alor Setar," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, jasad kanak-kanak dipercayai Muhammad Fayyad Affan Mohd Fakhri, 4, yang hilang sejak Jumaat lalu ditemui ahli keluarga kanak-kanak itu kira-kira 500 meter dari rumah mangsa Isnin lalu.

"Kami sekeluarga berharap laporan DNA itu diperolehi idengan segera untuk membolehkan urusan pengebumian dilakukan"

Aziz Saad



MAYAT Muhammad Fayyad ditemui dalam Sungai Kupang 500 meter dari rumah mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	BODY OF 4-YEAR-OLD TO BE HANDED TO FAMILY AFTER DNA TEST RESULTS		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	3 APR 2025	M/SURAT :	10
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

MISSING AUTISTIC BOY

Body of 4-year-old to be handed to family after DNA test results

BALING: Police will hand over the body of a 4-year-old boy to his family after receiving DNA test results. The body was found in a river.

District police chief Superintendent Azmi Mokhtar said blood samples from autistic boy Muhammad Fayyad Affan Mohd Fakhr's parents and a bone sample from the remains had been sent to the Chemistry Department on Tuesday.

"DNA results are necessary because identifying the body based on his clothes is insufficient.

"We need to rule out any other possibilities.

"For now, the child's remains are kept at the Forensic Unit of Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star."

Fayyad went missing after leaving his home on Friday. He was last seen near his house in Kampung Landak Paya, Kupang.

A body was found on Monday in a river about 500m from Fayyad's home by relatives and villagers.

Fayyad's grandfather, Aziz Saad, 60, said the family hoped the DNA report would be completed soon so that they could proceed with the burial.

"We will wait for the DNA report," he said.



A search-and-rescue team found the body of a boy near Sungai Kupang, Baling, about 500m from the home of missing 4-year-old Muhammad Fayyad Affan Mohd Fakhr. PIC FROM FIRE AND RESCUE DEPARTMENT